

10/09/1999

Pelajar mahu dialog diteruskan

BANGI, Khamis - Pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) memuji kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk 'turun padang' berjumpa dan berdialog dengan mahasiswa.

Mereka menyifatkan program Himpunan Mahasiswa Bersama Perdana Menteri yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), petang ini, sebagai sangat penting dan bermakna kerana memberi peluang pelajar pusat pengajian tinggi mendengar sendiri penjelasan daripada Dr Mahathir.

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar Sultan Idris, Azizah Darus, berkata perhimpunan itu sangat bermakna dan patut diadakan di setiap universiti untuk memberi peluang pelajar berjumpa dengan Perdana Menteri.

Beliau yang mengikuti program Sarjana Muda Pendidikan (Kaunseling) di Tahun Ketiga berkata, perhimpunan itu memang memberi manfaat dan membuka fikiran pelajar selepas mendengar penjelasan yang disampaikan Dr Mahathir.

"Bagaimanapun, masa yang diberikan memang tidak mencukupi. Jika boleh kita mahu masa lebih lama untuk berjumpa dan bercakap dengan beliau," katanya.

Kira-kira 4,000 pelajar IPTA dan IPTS tempatan menghadiri perjumpaan itu yang diadakan sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke UKM, hari ini.

Pemangku Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UKM, Khairul Ziad Zahari pula berkata, Dr Mahathir mengupas dengan baik isu yang menjadi tanda tanya kepada pelajar ketika ini.

Beliau berkata, walaupun masa tidak memungkinkan Perdana Menteri memberi penjelasan terperinci, perjumpaan seperti itu patut diteruskan pada masa depan.

"Jika boleh, perjumpaan ini dibuat secara lebih terbuka supaya pelajar lain juga berpeluang berinteraksi dan mengemukakan soalan kepada beliau," katanya.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya, Burhan Che Daud, pula berkata beliau tertarik dengan penekanan Dr Mahathir terhadap peranan mahasiswa untuk menguasai ilmu bagi membolehkan mereka melihat kebenaran.

Pelajar Tahun Ketiga Sarjana Muda Usuluddin itu juga mencadangkan supaya perjumpaan sedemikian diadakan di semua universiti supaya Perdana Menteri dapat turun sendiri berjumpa dan berinteraksi dengan pelajar.

(END)